

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 13 Tahun 2021

**PEKELILING PENERIMAAN PAKAI SURAT EDARAN JABATAN
PERKHIDMATAN AWAM (JPA) (NO RUJUKAN JPA(S) 63/168/1Jld.
3(4) BERTARIKH 1 JUN 2021 BERKAITAN SUMBANGAN
PENJAWAT AWAM MELALUI PENGURANGAN ELAUN
DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan mengenai penerimaan pemakaian Surat Edaran JPA (No Rujukan JPA(S) 63/168/1Jld. 3(4) bertarikh 1 Jun 2021 berkaitan Sumbangan Penjawat Awam Melalui Pengurangan Elaun Dalam Mendepani Pandemik COVID-19.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Sebagaimana sedia maklum, negara kini berdepan dengan cabaran kritikal disebabkan penularan wabak COVID-19 yang berpanjangan yang memberikan kesan kepada seluruh rakyat Malaysia.

2.2 Sehubungan dengan itu, sebagai tanda kebersamaan penjawat awam dalam menyokong usaha Kerajaan bagi menangani keadaan semasa, adalah diputuskan supaya penjawat awam lantikan tetap dan kontrak bagi jawatan gred 29 dan ke atas yang sedang berkhidmat turut menyumbang ke dalam Akaun Amanah Bencana melalui pengurangan sebahagian dari Imbuan Tetap Keraian (ITK) atau Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA).

2.3 Majlis Sumber Manusia melalui edaran Bilangan 14/2021 bertarikh 22 Jun 2021 bersetuju memperaku dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah Universiti berkenaan cadangan menerima pakai Surat

Edaran JPA (No Rujukan JPA(S) 63/168/1Jld. 3(4) bertarikh 1 Jun 2021 berkaitan Sumbangan Penjawat Awam Melalui Pengurangan Elaun Dalam Mendepani Pandemik COVID-19.

- 2.4 Lembaga Pengarah Universiti telah membuat keputusan secara edaran bertarikh 7 Julai 2021 meluluskan Cadangan Menerima pakai Surat Edaran JPA Bertarikh 1 Jun 2021 Berkaitan Sumbangan Penjawat Awam Melalui Pengurangan Elaun dalam Mendepani Pandemik COVID-19. Tarikh kuatkuasa pengurangan sebahagian ITK dan ITKA adalah untuk tempoh 3 bulan mulai gaji Julai, Ogos dan September 2021.

3.0 PELAKSANAAN

Penerimaan pemakaian Surat Edaran JPA (No Rujukan JPA(S) 63/168/1Jld. 3(4) bertarikh 1 Jun 2021 berkaitan Sumbangan Penjawat Awam Melalui Pengurangan Elaun Dalam Mendepani Pandemik COVID-19 adalah seperti berikut :

3.1 Pelaksanaan

- 3.1.1 Pengurangan sebahagian dari ITK dan ITKA adalah mengikut kadar dan tempoh seperti di bawah:

GRED	KADAR SUMBANGAN	TEMPOH
i. Gred Utama A/ Gred Khas A dan setara ke atas	50% daripada ITK yang diterima	Julai, Ogos & September 2021 (tiga bulan)
ii. Gred Utama B/ Gred Khas B dan setara	20% daripada ITK yang diterima	
iii. Gred Utama C/ Gred Khas C dan setara	10% daripada ITK yang diterima	
iv. Gred 43-56 dan setara	5% daripada ITK/ITKA yang diterima	
v. Gred 29 – 42 dan setara	RM10 daripada ITKA yang diterima	

- 3.1.2 Bagi tujuan pengiraan faedah persaraan pegawai yang bersara dalam tempoh ini, kadar ITK dan ITKA asal akan diguna pakai dan tidak akan menjejaskan pemberian faedah persaraan di bawah Akta Pencen 1980 atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.
- 3.1.3 Pemotongan ini akan dilaksanakan oleh pihak Bendahari UiTM dan sumbangan tersebut akan dimasukkan ke Akaun Amanah Bencana, Kementerian Kewangan Malaysia.
- 3.1.4 Pelaksanaan pengurangan sebahagian dari ITK dan ITKA adalah mengikut kadar dan tempoh tiga (3) bulan mulai gaji Julai 2021, Ogos 2021 dan September 2021 sepertimana dalam perkara empat (4), Surat Edaran JPA (No Rujukan JPA(S) 63/168/1Jld.3(4).

3.2 Pengecualian

Pelaksanaan ini dikecualikan kepada Anggota Barisan Hadapan merangkumi petugas-petugas Kesihatan dan bukan Kesihatan yang terlibat secara langsung bagi pembendungan serta pengawalan wabak COVID-19 tertakluk kepada pengesahan Ketua Jabatan.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 19 Julai 2021.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2021.

6.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua staf gred 29 dan ke atas serta untuk **edaran dalaman sahaja**.



PROFESSOR Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Menjalankan Fungsi Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail : 100-BPD (BSK. 6/2)
No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 13*